

Lebih 10,000 premis di Sibu diperiksa dibawah pelbagai akta KPDNHEP sepanjang 2019

2020-01-25T11:39:23+08:00
oleh Florence Nervyn



Irene menerima tanda penghargaan daripada Kelyn (kanan) sambil diperhatikan (dari tiga kanan) Eijing, Ganda serta yang lain.

SIBU: Sejumlah 10,506 premis di sini telah diperiksa sepanjang tahun lepas untuk memeriksa pematuhan dalam pelbagai akta di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ketua cawangan KPDNHEP Sibul Kelyn Bolhassan berkata 8,912 premis telah diperiksa di kawasan bandar, sementara 1,594 premis di luar bandar.

"Daripada itu 41 kes adalah tidak mematuhi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 mencatatkan 41 kes, manakala 58 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972," katanya selepas melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2020 di Pasar Raya Farley, Jalan Salim di sini, semalam.

Skim dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Assek Irene Chang.

Kelyn berkata pada pemeriksaan di pasar raya semalam, ia melibatkan seramai 15 orang pegawai.

Sementara itu, 15 jenis barangan akan terlibat pada SHMMP Tahun Baru Cina 2020 yang dikuatkuasakan mulai 20 Januari hingga 2 Februari.

SHMMP itu akan dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang tidak mematuhi peraturan.

Peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim ini mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 jika sabit kesalahan boleh didenda mahkamah sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 bagi kesalahan individu.

Kesalahan sama bagi syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Kegagalan meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal pula boleh didenda mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5000 bagi kesalahan individu dan denda sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000 bagi kesalahan syarikat.

Sehubungan itu, Irene mengingatkan peniaga supaya tidak menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum dan mempamerkan tanda harga berwarna merah jambu.

Barangan keperluan yang disenaraikan dalam SHMMP ialah ayam hidup, ayam standard, ayam super, telur ayam gred A, B dan C, kubis bulat import, cili merah, tomato, ubi kentang China, bawang putih China, ikan bawal putih, udang putih besar, babi hidup, daging babi (perut) dan daging babi (daging dan lemak).

Tiga barang keperluan utama yang baharu disenaraikan tahun ini ialah cili merah, tomato dan ubi kentang China.